

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peranan atau usaha-usaha sanitasi oleh pihak bomba ke atas premis-premis Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melaksanakan operasi sanitasi dan disinfeksi ke atas premis-premis Kerajaan sejak 30 Mac 2021. Sehingga 25 Ogos 2021, JBPM telah melaksanakan operasi sanitasi dan disinfeksi ke atas **12,598 premis Kerajaan** di seluruh negara merangkumi premis-premis dan bilangannya adalah seperti berikut:

- (i) 2,266 sekolah Kerajaan;
- (ii) 861 pejabat/balai PDRM;
- (iii) 324 balai JBPM;
- (iv) 39 penjara;
- (v) 35 depoh imigresen;
- (vi) 316 pusat tahfiz; dan

(vii) 8,757 lain-lain premis Kerajaan.

2. Selain melaksanakan operasi sanitasi apabila terdapat kes jangkitan COVID-19 di bangunan-bangunan Kerajaan, JBPM juga mengambil inisiatif memberi latihan sanitasi atau disinfeksi kepada kakitangan premis-premis Kerajaan supaya mereka boleh melaksanakan operasi sanitasi atau disinfeksi di premis masing-masing.

3. Pada masa yang sama, JBPM juga melaksanakan sebanyak **11,968 operasi** sanitasi dan disinfeksi melibatkan premis yang menjadi tumpuan orang ramai di bawah kategori lain-lain seperti berikut:

- (i) 2,589 kawasan perumahan/PPR;
- (ii) 3,674 tempat ibadat;
- (iii) 464 stesen pengangkutan awam;
- (iv) 906 pasar awam;
- (v) 404 pasar raya; dan
- (vi) 3,931 pusat perniagaan.

Sekian, terima kasih.